

26/11/1997

Tentang campur tangan anggota Kongres Amerika

KOTA KINABALU, Selasa - Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (PMUMS) hari ini memutuskan menentang campur tangan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) terhadap urusan negara ini.

Presiden PMUMS, Othman Leon, berkata anggota kongres Amerika tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan konflik sehingga boleh menggugat kestabilan politik negara.

"Oleh itu, rakyat negara ini berhak untuk menyuarakan pandangan mereka secara bebas tanpa terikat dengan undang-undang negara lain," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Beliau mengulas usul anggota Kongres Amerika yang mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atau meletakkan jawatan kerana pendirian anti-Amerika dan anti-Yahudi berhubung krisis mata wang Asia, baru-baru ini.

Bagaimanapun, usul yang dicadangkan oleh Robert Wexler (Demokrat-Florida) dan mendapat sokongan 34 anggota Kongres itu belum dibentang atau dibincangkan dalam Dewan Perwakilan Amerika, tetapi hanya diedarkan di kalangan anggota.

Sehubungan itu, menurutnya, sebagai sebuah negara yang merdeka menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman negara luar.

Selain itu, Othman berkata, sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia berhak menentukan hala tujuan sendiri tanpa terikat kepada mana-mana kuasa besar di dunia.

Timbalan Presiden PMUMS, Norzemy Mohd Nor, turut menyatakan sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir dan menentang campur tangan 34 anggota Kongres Amerika yang mendesak beliau memohon maaf atau meletakkan jawatan.

"Berdasarkan kepada beberapa sebab itu, maka PMUMS menentang campur tangan negara luar terhadap kepimpinan negara ini yang boleh menimbulkan konflik sehingga menggugat kestabilan politik," katanya.

(END)